

HOKI 9 SEBELAH (L & W)

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Hoki Antarabangsa dan Peraturan-peraturan Am Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARiSMA).

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan antara pasukan.

3.0 PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

- 3.1** Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada empat belas (14) orang pemain bagi pasukan lelaki dan wanita.
- 3.2** Pendaftaran pemain ini hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan dimulakan.
- 3.3** Senarai nama pemain dalam borang pendaftaran perlawanan hendaklah diserahkan kepada pengadil bertugas sepuluh (10) minit sebelum sesuatu perlawanan dimulakan.
- 3.4** Hanya pemain berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

4.0 SISTEM PERTANDINGAN

Sila rujuk Perkara 9.0 Peraturan Am.

5.0 PENARIKAN DIRI

Sila rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am.

6.0 MASA BERMAIN

- 6.1** Sepuluh (10) minit bagi tiap-tiap separuh masa dengan dua (2) minit masa pertukaran (10:2:10).

7.0 PENGGANTIAN

- 7.1** Seramai lima (5) orang pemain dibenarkan ditukar pada bila-bila masa.
- 7.2** Pemain yang diganti boleh bermain semula dalam perlawanan yang sama (rolling substitution).

8.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

8.1 Secara Liga

8.1.1 Cara memberi mata :-

Menang	-	3 mata
Seri	-	1 mata
Kalah	-	0 mata

8.1.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan memperolehi mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

8.1.2.1 Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira menang.

8.1.2.2 Jika masih seri, pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol dikira menang.

8.1.2.3 Jika masih seri, pasukan yang telah mengalahkan pasukan lawannya diambil kira.

8.1.2.4 Jika masih seri, sistem pukulan penalti "Shootout" akan digunakan.

8.2 Secara Kalah Singkir

Bagi perlawaan secara kalah singkir, jika seri pemenang akan ditentukan secara sistem pukulan penalti "shootout". (Rujuk Peraturan Permainan Perkara 9.0)

9.0 SISTEM PUKULAN PENALTI "SHOOTOUT"

9.1 Semua pemain yang didaftarkan dalam perlawaan tersebut adalah layak untuk mengambil pukulan penalti. Pemain yang sedang menerima hukuman penggantungan tidak boleh mengambil pukulan penalti.

9.2 Pengurus pasukan bertanggungjawab untuk mendaftarkan tiga (3) orang pemain untuk mengambil pukulan penalti "shootout" dari tanda penalti yang akan dijalankan secara berselang seli.

9.3 Jika kedudukan masih seri, penalti akan dilanjutkan dengan cara "sudden death"

9.4 Pengadil akan menentukan gol mana pukulan penalti "shootout" akan dijalankan.

9.5 Pengadil akan membuat undian. Pasukan yang menang akan membuat pilihan samada membuat pukulan penalty "shootout" atau bertahan dahulu.

9.6 Penjaga gol tidak boleh ditukar kecuali cedera.

10.0 PAKAIAN

- 10.1 Penjaga gol mestilah memakai ‘face mask’, ‘chest guard’ dan dua (2)‘glove’.
- 10.2 Sesuai dengan permainan hoki.
- 10.3 ‘Shinpad’ diwajibkan pakai.

11.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

12.0 KELEWATAN

Masa selama lima belas (15) minit sahaja diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan 3 (tiga) mata dan jaringan gol dua berbalas kosong (2 - 0).

13.0 BANTAHAN

Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am

14.0 JURI RAYUAN

Sila rujuk Perkara 16.0 Peraturan Am

15.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARiSMA) yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.